


# **JABATAN PEMBANGUNAN UNGGUL DI KEJOHANAN BOWLING PIALA TIMBALAN REKTOR 2006**



Dengan jatuhan pin sebanyak 3068 pasukan yang dikenali sebagai Paku Payung C mengungguli kategori berpasukan dari Jabatan Pembangunan. Malah Rosfarizal Abd Manan dari Jabatan pembangunan turut memenangi bagi kategori lelaki dengan jatuhan pin sebanyak 889. Apa yang mengejutkan lagi PM Mazelan B Abd Hamid dari Jabatan Pembangunan turut mengungguli kategori VIP.

Jabatan Pembangunan secara keseluruhannya telah mengungguli Kejohanan Bowling Piala Timbalan Rektor 2006 bagi kali ini. Menurut Rosfarizal Abd Manan "Saya selaku kapten dari Jabatan Pembangunan berasa bangga dengan komiten yang ditunjukkan oleh kumpulan kami kerana telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh jabatan kami. Apa yang penting semangat juang yang ditunjukkan oleh kumpulan bagi menentang kumpulan lain amat tinggi sekali".

Kategori wanita pula di menangi oleh Norhasrita Bt Kamarudin dari Jabatan Canselori. Kejohanan Bowling Piala Timbalan Rektor 2006 menjadi sengit dengan penyertaan 26 pasukan yang terdiri daripada staf KUKUM. Kejohanan yang diadakan pada 25 Februari 2006 telah berlangsung di Kedah Bowl, Alor Star. Kejohanan ini telah dirasmikan Rektor KUKUM, Profesor Datuk Dr Kamarudin Hussin.